



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.


**PENGAWAS MCR (C.3-4 EB.5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAWAS MCR
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Audio and Video / Audio and Video Systems / Audio and Video Technology / Audio, Video and Broadcast Technology / Basic Engineering / Communication Engineering / Computer Engineering / Electrical Engineering / Electronic Engineering / Komunikasi Media / Multimedia / Teknologi Elektronik / Video and Audio Engineering atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Juruteknik Pemeliharaan / Penyunting ENG / Vision Mixer atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penolong Operesen atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian Microsoft Office.
4. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal media penyiaran.



5. Hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang operasi televisyen / operasi radio.
6. Hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penggambaran / rakaman video / rakaman suara / penyiaran.
7. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan.
8. Hendaklah mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk memahirkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan.
9. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengawal dan mengawasi siaran di Bilik Kawalan Utama Televisyen (Play-Out Centre) dengan memastikan siaran berjalan dengan lancar serta berkualiti tinggi.
2. Mengemaskinikan serta memastikan senarai susunan rancangan di dalam Sistem Automasi (Playlist) adalah betul sebelum siaran.
3. Memastikan iklan-iklan perdagangan, promo-promo rancangan, kempen kerajaan, selingan dan sebagainya dipindah ke pita video ataupun di-ingest ke dalam server untuk siaran.
4. Hendaklah sentiasa berada di Bilik Kawalan Utama Televisyen (Play-Out Centre) semasa siaran serta bersedia bertindak dan membuat tindakan cepat dan tepat sekiranya berlaku sesuatu perkara / masalah yang tidak diduga semasa siaran.
5. Bertanggungjawab ke atas penggunaan alat-alat yang digunakan di Bilik Kawalan Utama Televisyen (Play-Out Centre).
6. Mencatat laporan iaitu Log Siaran setiap kali setelah selesai bertugas.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.